



---

**PEKELILINGPENYEDIA LATIHAN BIL 1/99**  
**PROGRAM PROLUS/PERLA DIJALANKAN DI LUAR LOKASI LATIHAN YANG**  
**DILULUSKAN**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk mengingatkan penyedia latihan yang berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) mengenai program PROLUS dan PERLA yang dikendalikan di tempat majikan atau hotel perlu mendapat kelulusan daripada Urusetia Majlis terlebih dahulu.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Berdasarkan kepada peraturan yang sedia ada, Program PROLUS dan PERLA hendaklah dijalankan di pusat latihan yang telah diluluskan oleh MPSM. Walau bagaimanapun, jika berlaku sebarang perubahan tempat latihan, penyedia latihan hendaklah memohon kepada Urusetia Majlis secepat mungkin besertakan dengan alasan yang munasabah mengenai perubahan tempat latihan tersebut agar kelulusan dapat diberikan. Sejak kebelakangan ini, didapati banyak penyelewengan yang telah berlaku yang mana kursus-kursus di bawah PROLUS dan PERLA didapati dilaksanakan di tempat majikan atau hotel tanpa mendapat kebenaran daripada Urusetia Majlis terlebih dahulu. Kegagalan untuk mendapatkan kebenaran tersebut telah menimbulkan masalah apabila pihak majikan atau penyedia latihan sendiri membuat tuntutan.

**3. PROGRAM PROLUS/PERLA DIJALANKAN SELAIN DARI PUSAT LATIHAN YANG DILULUSKAN.**

- 3.1 Selaras dengan prosedur yang baru diluluskan, selain daripada tempat penyedia latihan, program PROLUS/PERLA juga boleh dibenarkan diadakan di tempat lain dengan syarat kelulusan dari Urusetia Majlis diperolehi terlebih dahulu. Adalah menjadi tanggungjawab penyedia latihan yang telah berdaftar dengan MPSM untuk memaklumkan peraturan mana-mana majikan yang ingin menyertai program PROLUS/PERLA di tempat pilihannya sendiri.
- 3.2 Penyedia latihan hendaklah membuat permohonan bertulis dengan menyertakan alasan yang munasabah mengenai perubahan tersebut agar kelulusan dapat diberikan oleh Urusetia Majlis.
- 3.3 Majlis Pembangunan Sumber Manusia memandang berat terhadap penyedia latihan yang enggan mematuhi peraturan tersebut dan akan menarik balik sijil pendaftaran dan taraf PROLUS yang telah diberikan serta/atau membatalkan perjanjian latihan yang telah ditandatangani di bawah Skim PERLA.

#### 4. PENUTUP

Urusetia Majlis berharap pihak penyedia latihan dapat memberi kerjasama yang sepenuhnya untuk mematuhi peraturan ini bagi mengelakkan kesukaran yang mungkin timbul pada masa akan datang. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 1999. Sebarang tuntutan di bawah Skim PROLUS atau PERLA yang melibatkan perubahan tempat latihan yang tidak mendapat kelulusan dari Urusetia Majlis, tidak akan dilayan

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**" LATIHAN TERANCANG TUNGGAK KECEMERLANGAN"**

Saya yang menurut perintah,

**(SHAHRIK BIN HASAN)**

Pengarah, Bahagian Pembangunan Sumber Latihan  
b.p. Ketua Pengarah  
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

s.k :-

Pengarah Bahagian Geran Latihan  
Pengarah Bahagian Kewangan  
Semua Majikan Berdaftar

